



# KONSEP ASAS PEMBINAAN TAMADUN ISLAM DALAM MENJANA MASYARAKAT HADHARI

Islam sebagai al-din yang diturunkan kepada umat manusia merupakan sistem tatacara hidup yang lengkap bagi menjamin kebahagiaan dan kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Sebagai agama yang terakhir, ia bersifat fleksibel dan pragmatis serta dapat menampung perkembangan peradaban umat manusia sejagat. Syariat Islam telah memberi panduan yang jelas kepada manusia sebagai asas dalam pembentukan kenegaraan sehinggalah ia dapat mencipta satu peradaban yang bersifat hadhari dan unggul.

Mengikut perspektif Islam, terdapat beberapa instrumen asas yang menjadi paksi kepada pembinaan peradaban Islam dalam menghadapi keperluan semasa manusia. Asas kepada peradaban itu adalah akidah, ilmu, akhlak dan nilai-nilai norma masyarakat yang murni seperti bertoleransi, tolong menolong, menghormati agama lain, bersifat sederhana serta amalan-amalan yang mencerminkan nilai-nilai yang baik. Islam mengiktiraf norma-norma masyarakat yang murni selagimana unsur-unsur tersebut tidak melanggar batasan syariat.

Oleh yang demikian, semua unsur-unsur yang dinyatakan di atas merupakan asas kepada pembinaan peradaban manusia yang ideal. Sekiranya, asas-asas ini diabaikan dalam membentuk acuan peradaban, maka ia akan menuju ke arah keruntuhan sesebuah tamadun. Menurut Ibn Khaldun al-Hadrami dalam karya agunginya "Muqaddimah Ibn Khaldun", "Allah akan menghancurkan sesuatu umat itu disebabkan golongan tersebut melakukan perkara-perkara yang keji dan melakukan pelbagai kemungkaran, ekoran dari tindakan tersebut Allah akan menggantikan golongan tersebut dengan kaum yang lebih mulia dan terpuji, sepertimana yang telah dilakukan ke atas kerajaan Saba' dengan berlakunya peristiwa banjir besar sehingga memusnahkan empangan Ma'rib. Dalam al-Quran, Allah berfirman yang bermaksud:

*"Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami perintahkan kepada oran-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya menaati Allah) tetapi mereka melakukan penderhakaan dalam negeri itu, maka sudah seabai mereka berlaku terhadap perkataan (ketentuan Kami) kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancurnya".*  
(al-Isra:16)

Akidah merupakan pra - syarat kepada pembentukan peradaban manusia. Istilah akidah ialah mengakui kekuasaan Allah s.w.t dan membenarkan keseluruhan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. dengan penuh keyakinan yang mutlak. Secara tidak langsung seseorang yang bergelar muslim perlu mempercayai secara jazam dalam hati tentang kewujudan Allah dan dibuktikan melalui pengamatan serta berfikir tentang kejadian alam. Secara prinsipnya, sebagai muslim, tidak ada perbezaan antara manusia sama ada bangsa, keturunan dan warna kulit di sisi Allah, melainkan perbezaan dari aspek tingkatan iman. Justeru itu, umat Islam diseru hidup bersatu padu, tolong menolong, tidak ada perasaan hasad dengki dan berpadu di bawah akidah yang satu. Akidah merupakan mekanisme yang menyatukan umat Islam di dunia ini. Ia menjadikan umat yang gemilang dan terbilang sebagaimana yang telah berlaku dalam era pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. Kesan daripada penerapan nilai akidah yang tulen terhadap umatnya pada ketika itu, telah mencipta satu umat yang kuat dan sukar digugat oleh bangsa asing. Secara tidak langsung masyarakat Islam dapat bekerjasama antara satu sama lain dalam apa jua bidang kehidupan dan akhirnya membentuk peradaban yang unggul.

Selain itu, ilmu merupakan elemen yang kedua terpenting dalam membangunkan peradaban manusia hadhari. Kepentingan ilmu ini jelas dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

*"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang mencipta (sekalian makhluk)"*  
(al- 'Alaq:1)

Dalam ayat ini, Allah s.w.t memerintahkan kepada manusia supaya "membaca", kerana ia merupakan medium utama untuk mendapat maklumat-maklumat. Justeru itu, manusia mempunyai sinonim yang rapat dengan ilmu dan tidak boleh dipisahkan. Tanpa sifat ini manusia tersebut boleh disamakan dengan manusia primitif yang hidup di zaman jahiliah yang tidak bertamadun. Menurut Ibn Khaldun, Allah s.w.t. membezakan manusia daripada makhluk-makhluk lain dengan kelebihan akal yang telah dianugerahkan. Sesuai dengan sifat manusia sebagai khalifah di muka bumi, maka ia diberi pengiktirafan berbanding dengan makhluk lain disebabkan keupayaannya untuk berfikir sesuatu perkara melalui pancainderanya. Melalui ilmu yang diperolehi hasil daripada pemikiran,

manusia dapat mengatur segala perilaku secara tertib dan dapat menyumbangkan faedah yang kepada manusia dan alam semulajadi, Pengiktirafan dan anugerah yang diberikan oleh Allah kepada manusia tidak ternilai harganya. Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud:

*"Dan Dia menciptakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta akal"*  
(al-Mulk:22)

Menurut Prof. Dr. Hashim Haji Musa dalam kertas kerjanya "Citra Hati Budi Melayu (2004)", matlamat manusia meneroka ilmu pengetahuan adalah untuk memperoleh ilmu yang hak, iaitu kebolehan untuk mengetahui dan memahami kedudukan serta fungsi yang tepat dan wajar bagi segala sesuatu dalam alam ini yang membawa kepada pengenalan kepada Tuhan sebagai Maha Pencipta dan Maha Pentadbir segala alam ini. Ilmu pengetahuan tidak ada batasan, tetapi setiap ilmu ada had kebenarannya iaitu penjelasan tentang tempat dan fungsi yang tepat dan wajar bagi perkara itu dalam sistem yang didudukinya, itulah kebenarannya. Sebagai contoh, kajian tentang manusia adalah untuk mengetahui hakikat dan objektif sebagai ciptaan Tuhan yang terbaik dalam sistem makhluk. Ia berfungsi sebagai hamba dan khalifah di bumi. Kajian tentang pengklonan manusia melebihi had kebenarannya kerana tidak bertujuan untuk memenuhi dua fungsi tersebut. Malah perbuatan ekstrimis manusia yang tidak berlandaskan ilmu yang hakiki akan merosakkan individu tersebut dan seterusnya memberi implikasi yang besar dalam sejarah peradaban manusia.

Secara umumnya, ilmu pengetahuan dan pengajaran merupakan sesuatu yang semulajadi dalam peradaban manusia. Sekiranya manusia mengabaikan elemen ini, mereka akan hidup dalam kesesatan, keangkuhan dan kebodohan dalam ilmu pengetahuan. Sekiranya diimbaz semula sejarah peradaban masyarakat jahiliah, antara ciri-ciri yang terdapat dalam masyarakat tersebut ialah tradisi keilmuan diabaikan oleh masyarakat tersebut. Teras kehidupan mereka berasaskan kepercayaan primitif nenek moyang yang cenderung kepada kepercayaan animisme menyebabkan pemikiran mereka dibelenggu dengan kepercayaan karut-marut. Begitu juga yang berlaku kepada penduduk Maghribi dan peradabannya yang runtuh satu ketika dahulu disebabkan tradisi ilmu pengetahuan semakin pupus dan tidak aktif.

Ilmu merupakan antara resepi utama dalam mengasaskan peradaban manusia. Sekiranya disorot sejarah kegemilangan peradaban umat Islam silam, pusat-pusat kebudayaan seperti Baghdad, Cordova, Qairawan, Basrah dan Kufah telah mencipta dan mencapai tamadun yang unggul dalam bidang ilmu pengetahuan seperti ilmu falsafah, perubatan, seni bina, sains teknologi dan sebagainya. Masyarakat pada ketika itu dinaungi dalam lautan keilmuan dan ilmu disusun mengikut bidang disiplin yang tersendiri yang diiktiraf oleh masyarakat dunia. Menurut Ibn Khaldun, ilmu yang telah dihasilkan oleh golongan cendekiawan Islam klasik dipercayai telah mendahului teknologi dan perkembangan semasa dalam konteks kondisi masyarakat pada era tersebut dan juga zaman sebelumnya.

Namun begitu, zaman keemasan yang dikecapi oleh masyarakat Islam menjadi malap dan mundur disebabkan pusat peradaban semakin mundur dan tradisi keilmuan menjadi semakin sirna. Pada zaman kemunduran tamadun Islam, manusia bersikap jumud dan bersifat taqlid terhadap sesuatu aliran, sehinggalah kerangka pemikiran masyarakat tidak dapat berkembang dengan keperluan semasa. Mentaliti masyarakat Islam pada ketika itu bersifat tertutup disebabkan fahaman ekstrimisme terhadap aliran-aliran yang muncul pada ketika itu sehinggalah para pendokongnya tidak dapat menerima pembaharuan dan reformasi pemikiran yang positif. Ketokohan ulama' silam disebabkan sifat pro aktif dan berfikiran dinamis dalam meneroka bidang ilmu. Oleh yang demikian, berdasarkan pengalaman sejarah umat Islam yang lampau, banyak pengajaran dan panduan yang boleh dijadikan "indicator" kepada masyarakat Islam dalam mencipta peradaban Islam hadhari.

Nilai ketiga terpenting iaitu akhlak, yang merupakan unsur keperluan dalam melengkapkan umat manusia ke arah peradaban yang ideal dan unggul. Akhlak melambangkan keperibadian dan tatasusila sesuatu bangsa umat manusia dalam sesebuah peradaban. Nabi Muhammad s.a.w. merupakan manusia yang paling sempurna dan ideal dari aspek akhlak yang perlu dicontohi oleh umat manusia. Sifat Baginda yang tinggi budi pekerti, adab yang mulia, berintegriti, pemalu dan sebagainya diakui oleh umat Islam bahkan diiktiraf oleh pihak lawan. Keperibadian Baginda yang mulia telah melemahkan musuh Islam apabila berdepan dengannya.

**Lihat Muka 31 >>**



## Dari Muka 21

Sebagai pemimpin agung, Baginda meletakkan akhlak sebagai batu asas dalam membentuk negara Islam yang bersepadu. Kombinasi elemen akhlak dan prinsip-prinsip asas kenegaraan diterapkan ke dalam setiap individu masyarakat, sama ada Islam atau bukan Islam dalam menjana masyarakat yang bertamadun. Produk masyarakat yang dihasilkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. merupakan satu institusi komuniti sosial yang beretika dan berakhlak mulia serta bersatu padu di bawah satu sistem politik, sosial dan ekonomi. Tanpa akhlak yang mantap, nilai kemanusiaan yang diasaskan oleh nabi akan hancur dan menyebabkan nilai-nilai kebendaan akan menguasai manusia. Nilai akhlak dianggap sebagai kawalan sosial bagi masyarakat Islam dalam tindak tanduk dan perilaku dalam kehidupan seharian.

Dalam peradaban Melayu silam, ketinggian bangsa Melayu dikaitkan dengan nilai tingkahlaku dan akhlak yang tinggi. Kebanyakan penulisan yang dihasilkan oleh sarjana Melayu silam menjelaskan, antara faktor-faktor kegemilangan peradaban Melayu disebabkan masyarakat pada ketika itu mencapai tahap kehalusan tatasusila dengan memiliki kebudayaan yang luhur. Lantaran itu, mengikut tradisi kepercayaan masyarakat nusantara, banyak pepatah Melayu yang boleh dikaitkan dengan nilai dan akhlak contohnya, "Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama" amat sinonim dengan keperibadian seseorang. Masyarakat Melayu terkenal dengan hati budi yang tinggi dan terkenal dengan adat ketimuran sangat mementingkan soal adab dari segenap segi. Dalam aspek kekeluargaan, masyarakat Melayu dididik dengan adab yang tinggi semenjak dari kanak-kanak dengan harapan menjadi manusia yang berakhlak apabila dewasa. Dari aspek kenegaraan,, elemen akhlak amat diperlukan bagi memastikan masyarakat dapat hidup dalam suasana yang harmoni dan aman damai. Oleh yang demikian, nilai akhlak menjadi salah satu paksi yang perlu diimbangi oleh al-Quran dan al-Sunnah dalam membentuk insan yang kamil (sempurna) dan seterusnya membentuk sebuah negara yang utuh. Justeru itu, doktrin akhlak merupakan manifestasi yang perlu dihayati oleh setiap individu muslim. Nilai ini telah disuntik oleh Nabi Muhammad kepada umatnya dalam membentuk masyarakat maddani yang bersumberkan nur ilahi.

Oleh yang demikian, keunggulan sesebuah tamadun bukanlah dinilai secara mutlak dengan pencapaian yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Pencapaian yang tinggi dalam bidang tersebut adalah berbentuk kuantitatif dan tidak menjamin dalam membentuk peradaban Islam hadhari kerana ia bersifat materialistik dan tidak diimbangi dengan keperluan rohani. Nilai-nilai asas seperti kemantapan akhlak, ilmu dan nilai-nilai lain yang terpuji perlu digemblengkan dan dihayati bagi merealisasikan hakikat peradaban Islam hadhari yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

*Artikel Sumbangan :*

**SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH**  
**PUSAT KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN**  
**KEUSAHAWANAN**

Alamat e-mail: shuhairimi@kukum.edu.my

